

GARIS PANDUAN
LEMBAGA KAUNSELOR (MALAYSIA)



GARIS PANDUAN
PROGRAM PERKEMBANGAN
PROFESIONAL BERTERUSAN
KAUNSELOR BERDAFTAR

GARIS PANDUAN
LEMBAGA KAUNSELOR (MALAYSIA)



KAUNSELOR BERDAFTAR

KANDUNGAN

| | |
|--|-----|
| Kandungan..... | i |
| Kata Pengantar Presiden Lembaga Kaunselor..... | ii |
| Pengenalan..... | iii |
| 1.0 Pendahuluan | 1 |
| 2.0 Skop Pemakaian | 1 |
| 3.0 Kategori Program/Aktiviti dan Jumlah Mata..... | 1 |
| 3.1 (a) Kategori Ilmu dan Kemahiran | |
| • Kategori Ilmu dan Kemahiran 1..... | 2 |
| • Kategori Ilmu dan Kemahiran 2..... | 3 |
| • Kategori Ilmu dan Kemahiran 3..... | 4 |
| • Kategori Ilmu dan Kemahiran 4..... | 5 |
| • Kategori Ilmu dan Kemahiran 5..... | 6 |
| 3.1 (b) Kategori Komponen Amalan | |
| • Kategori Komponen Amalan 1..... | 7 |
| • Kategori Komponen Amalan 2..... | 8 |
| • Kategori Komponen Amalan 3..... | 9 |
| • Kategori Komponen Amalan 4..... | 10 |
| • Kategori Komponen Amalan 5..... | 11 |
| • Kategori Komponen Amalan 6..... | 12 |
| • Kategori Komponen Amalan 7..... | 13 |
| • Kategori Komponen Amalan 8..... | 14 |
| • Kategori Komponen Amalan 9..... | 15 |
| • Kategori Komponen Amalan 10..... | 16 |
| • Kategori Komponen Amalan 11..... | 16 |
| 4.0 Kriteria Pengumpulan Mata..... | 17 |
| 5.0 Tarikh Kuatkuasa..... | 17 |
| 6.0 Penutup..... | 17 |

KATA PENGANTAR

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, kita masih diberi ruang dan peluang oleh Allah S.W.T. untuk terus memberi khidmat kepada masyarakat dan negara kita tercinta.

Warga kaunselor sekalian, kita semua menyedari bahawa kita berhadapan dengan cabaran yang cukup besar yang memerlukan kita berfikir serta bertindak dengan lebih efesien dan efektif dalam membantu masyarakat melalui perkhidmatan kaunseling yang kita berikan.

Program Perkembangan Profesional Berterusan bagi kaunselor berdaftar adalah usaha bersepadau Lembaga Kaunselor bagi memastikan kaunselor berdaftar membekalkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan amalan profesional melalui program latihan yang terancang dan sistematik bagi memastikan kaunselor berdaftar sentiasa dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik, secara profesional dan beretika kepada masyarakat.

Justeru itu, saya menyeru agar setiap kaunselor berdaftar sentiasa meningkatkan ilmu dan kemahiran melalui pelbagai aktiviti pembangunan profesional supaya kita lebih kompeten dalam memberikan perkhidmatan kaunseling agar manfaat yang terbaik diperolehi oleh masyarakat hasil daripada perkhidmatan kaunseling yang diberikan.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga di atas sokongan berterusan yang tidak berbelah-bagi daripada semua pihak untuk terus memartabatkan profesion kaunseling yang merupakan wadah penting dalam membantu kesejahteraan masyarakat dan keharmonian negara kita yang tercinta.

Sekian, terima kasih.

**Presiden
Lembaga Kaunselor (Malaysia)**

PENGENALAN

Melihat perkembangan semasa yang berlaku dalam era globalisasi masa kini yang berteraskan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepakaran, Lembaga Kaunselor berpendapat perlunya diwujudkan satu program penjanaan ilmu dan kemahiran profesional yang berterusan bagi kaunselor berdaftar untuk mengharungi cabaran globalisasi. Cabarancabaran globalisasi dan perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia telah membawa kepada pengenalan program ini.

Program Perkembangan Profesional Berterusan (*Continuous Professional Development/CPD*) bagi kaunselor berdaftar adalah usaha bersepadan Lembaga Kaunselor bagi memastikan yang kaunselor berdaftar membekalkan diri mereka atau dibekalkan kepada mereka dengan pengetahuan profesional, kemahiran profesional dan nilai serta amalan profesional melalui program-program latihan yang terancang dan sistematik bagi memastikan yang kaunselor berdaftar sentiasa dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik, secara profesional dan beretika kepada masyarakat secara amnya.

Program Perkembangan Profesional Berterusan ini disyaratkan kepada semua kaunselor berdaftar yang berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor. Seseorang kaunselor berdaftar perlu memenuhi jumlah mata minimum Program Perkembangan Profesional Berterusan yang perlu dikumpul dalam tempoh masa dua (2) tahun sebagai syarat wajib bagi membolehkan Perakuan Amalan Dwitahunan diperbaharui.

Lembaga Kaunselor (Malaysia)

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Garis panduan pelaksanaan bagi Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar ini bertujuan untuk menjelaskan prosedur dan pelaksanaan sistem mata bagi Program Perkembangan Profesional Berterusan (*Continuous Professional Development/CPD*) bagi membaharui Sijil Perakuan Amalan Dwitahunan bagi kaunselor berdaftar.

1.2 Sistem mata bagi Program Perkembangan Profesional Berterusan ini diperkenalkan dengan tujuan untuk memperkasakan kaunselor berdaftar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran pada tahap yang lebih tinggi selaras dengan perkembangan terkini dalam perkhidmatan kaunseling supaya kaunselor berdaftar sentiasa dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik, secara profesional dan beretika.

1.3 Garis Panduan ini juga turut menjelaskan skop pemberian mata bagi Program Perkembangan Profesional Berterusan dan kriteria bagi pengiraan mata bagi program-program atau aktiviti-aktiviti yang boleh diterima sebagai penyumbang mata dalam sistem ini serta penguatkuasaannya.

2.0 SKOP PEMAKAIAN SISTEM MATA PROGRAM PERKEMBANGAN PROFESIONAL BERTERUSAN BAGI KAUNSELOR BERDAFTAR

2.1 Sistem mata Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar ini hendaklah terpakai bagi tujuan membaharui Sijil Perakuan Amalan Dwitahunan oleh kaunselor berdaftar berdasarkan peruntukan di bawah Subseksyen 12(k) Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) dan di bawah Subseksyen 40(2)(b) Akta Tafsiran 1967 (Akta 388).

3.0 KATEGORI PROGRAM/AKTIVITI DAN JUMLAH MATA PROGRAM PERKEMBANGAN PROFESIONAL BERTERUSAN

3.1 Program/aktiviti bagipengumpulanmataProgram Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar terdiri daripada dua kategori iaitu:

Kategori Ilmu Dan Kemahiran,

Kategori Amalan

3.1 (a) KATEGORI ILMU DAN KEMAHIRAN

| Komponen | Program/Aktiviti | Mata CPD | Keterangan berkaitan Komponen | Syarat dan Dokumen Sokongan |
|--|---|---|--|--|
| 1 Komponen Ilmu dan Kemahiran | <p>Komponen ini merujuk kepada program-program berikut:</p> <p>Persidangan/ Seminar/ Konvensyen/ Kolokium/ Simposium (Kebangsaan/ Antarabangsa dalam dan luar negara)</p> | <p>2 mata bagi setiap hari program</p> <p>*1 hari = 6 jam</p> | <p>1. Program dalam komponen ini hendaklah merupakan program khusus yang berkaitan dengan ilmu dan kemahiran kaunseling.</p> <p>2. Program komponen ini biasanya mengandungi aktiviti-aktiviti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Ucaptama b. Sesi plenari c. Pembentangan lisan/poster c. Forum | <p>1. Sijil kehadiran yang disahkan oleh pembekal latihan.</p> <p>2. Bagi Program/Aktiviti yang tidak mempunyai perakuan oleh Lembaga Kaunselor perlu mengemukakan dokumen sokongan yang ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor seperti Sijil Penyertaan/ Senarai Kehadiran/ resit bayaran.</p> |

| Komponen | Program/Aktiviti | Mata CPD | Keterangan berkaitan Komponen | Syarat dan Dokumen Sokongan |
|--|---|---|---|---|
| Komponen Ilmu dan Kemahiran 2 | <p>Komponen ini merujuk kepada program-program berikut:</p> <p>Bengkel/Kursus (Kebangsaan/ Antarabangsa) dalam negara dan luar negara</p> | <p>2 mata bagi setiap hari program *1 hari= 6 jam</p> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Program dalam komponen ini hendaklah merupakan program khusus yang berkaitan dengan ilmu dan kemahiran kaunseling. 2. Program komponen ini biasanya mengandungi aktiviti-aktiviti berikut: <ul style="list-style-type: none"> a. Ceramah b. Pembentangan/ perbincangan c. Tayangan video d. Main Peranan | <ol style="list-style-type: none"> 1. Sijil kehadiran yang disahkan oleh pembekal latihan. 2. Bagi Program/Aktiviti yang tidak mempunyai perakuan oleh Lembaga Kaunselor perlu mengemukakan dokumen sokongan yang ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor seperti Sijil Penyertaan/ Senarai Kehadiran/ resit bayaran. |

| Komponen | Program/Aktiviti | Mata CPD | Keterangan berkaitan Komponen | Syarat dan Dokumen Sokongan |
|--|--|----------|---|---|
| Komponen Ilmu dan Kemahiran 3 | <p>Komponen ini merujuk kepada penganugerahan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Doktor Falsafah 10 mata 2. Ijazah Sarjana 8 mata 3. Kursus jangka pendek (3 bulan dan ke atas) 5 mata | | <ol style="list-style-type: none"> 1. Komponen ini hendaklah merupakan program khusus yang berkaitan dengan ilmu dan kemahiran kaunseling. 2. Mata CPD bagi komponen ini akan diberikan bagi penganugerahan dalam tempoh masa sah laku sijil perakuan amalan. | <ol style="list-style-type: none"> 1. Salinan Ijazah yang disahkan bagi Program Doktor Falsafah dan Ijazah Sarjana. 2. Salinan Sijil yang disahkan bagi kursus jangka pendek. |

| Komponen | Program/Aktiviti | Mata CPD | Keterangan berkaitan Komponen | Syarat dan Dokumen Sokongan |
|--|--|-------------|--|--|
| Komponen Ilmu dan Kemahiran 4 | Komponen ini merujuk kepada program-program berikut: Sesi Forum/Ceramah | 1 mata | <ol style="list-style-type: none"> 1. Program dalam komponen ini hendaklah merupakan program khusus yang berkaitan dengan ilmu dan kemahiran kaunseling. 2. Jangka masa aktiviti ini mesti melebihi 2 jam. | <ol style="list-style-type: none"> 1. Salinan kehadiran atau bukti kehadiran yang disahkan. |

| Komponen | Program/Aktiviti | Mata CPD | Keterangan berkaitan Komponen | Syarat dan Dokumen Sokongan |
|--|---|--|--|--|
| Komponen Ilmu dan Kemahiran 5 | <p>Komponen ini merujuk kepada aktiviti-aktiviti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembelajaran kendiri <ol style="list-style-type: none"> a)Ulasan artikel profesional dari jurnal diindeks b)Ulasan Buku 2. Pembelajaran atas talian. | <p>1 mata/ artikel</p> <p>2 mata/ buku</p> <p>2 mat/ modul</p> | <p>1. Program dalam komponen ini hendaklah merupakan program khusus yang berkaitan dengan ilmu dan kemahiran kaunseling.</p> | <p>1. Ulasan artikel/buku dengan menyatakan sumber asal.</p> <p>2. Sijil/Bukti tamat kursus yang disahkan.</p> |

3.1(b) KATEGORI AMALAN

| Komponen | Program/Aktiviti | Mata CPD | Keterangan berkaitan Komponen | Syarat dan Dokumen Sokongan |
|--|---|------------------------------|--|--|
| Komponen Amalan 1 | <p>1. Menjalankan Sesi Kaunseling</p> <p>2. Menjalankan tele kesihatan mental</p> | <p>5 mata</p> <p>2 mata/</p> | <p>Komponen ini merupakan sesi kaunseling yang dijalankan seperti sesi kaunseling individu/kelompok/keluarga.</p> <p>Kaunseling Individu Minimum 10 klien x Minimum 3 Sesi (30 sesi kaunseling individu)</p> <p>atau</p> <p>Kaunseling Kelompok Minimum 5 kelompok x Minimum 5 Sesi (25 sesi kaunseling kelompok)</p> <p>atau</p> <p>Kaunseling Keluarga/Pasangan Minimum 10 Kes x Minimum 3 Sesi (30 sesi kaunseling)</p> <p>Definisi pasangan mengikut aspek undang-undang di Malaysia</p> | <p>1. Rumusan log yang disahkan.</p> <p>2. Sijil lantikan.</p> |

| Komponen | Program/Aktiviti | Mata CPD | Keterangan berkaitan Komponen | Syarat dan Dokumen Sokongan |
|--|-------------------------------|-----------------|---|------------------------------------|
| Komponen Amalan 2 | Melaksanakan Sesi Perundingan | 5 mata | <p>Komponen ini merupakan sesi perundingan psikologi secara individu/kelompok/organisasi.</p> <p>Perundingan Secara Individu Minimum 10 Konsulti</p> <p>atau</p> <p>Perundingan Secara Kelompok/Organisasi Minimum 5 Konsulti</p> | Nota pertemuan konsultasi. |

| Komponen | Program/Aktiviti | Mata CPD | Keterangan berkaitan Komponen | Syarat dan Dokumen Sokongan |
|------------------------------------|---|-----------------------------|---|-----------------------------|
| 3 Komponen Amalan | <p>Menjalankan Sesi Penyeliaan</p> <p>1. Penyeliaan yang dijalankan oleh kaunselor terhadap kaunselor lain.</p> <p>2. Penyeliaan yang dijalankan oleh kaunselor terhadap kaunselor pelatih.</p> | <p>3 mata</p> <p>3 mata</p> | <p>Komponen ini merupakan sesi penyeliaan secara individu atau kelompok.</p> <p>Penyeliaan secara Individu Minimum 10 Supervisee x Minimum 3 Sesi (30 kali penyeliaan Individu)</p> <p>atau</p> <p>Penyeliaan secara Berkelompok Minimum 5 Kelompok x Minimum 5 Sesi (25 kali penyeliaan berkelompok)</p> | Nota pertemuan penyeliaan. |

4

| Komponen | Program/Aktiviti | Mata CPD | Keterangan berkaitan Komponen | Syarat dan Dokumen Sokongan |
|------------------------|---|--|---|---|
| Komponen Amalan | <p>Komponen ini merujuk kepada program Khidmat Masyarakat.</p> <p>Pemberian mata tertakluk kepada peringkat penganjuran seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Peringkat organisasi/komuniti 2. Peringkat daerah 3. Peringkat negeri 4. Peringkat kebangsaan 5. Peringkat antarabangsa | <p>1 mata/program</p> <p>2 mata/program</p> <p>3 mata/program}</p> <p>4 mata / program</p> <p>5 mata/program</p> | <p>Komponen ini berkaitan dengan penyertaan dalam aktiviti/program.</p> <p>Khidmat Masyarakat yang berkaitan dengan aplikasi ilmu dan kemahiran kaunseling.</p> | Sijil penyertaan atau bukti penyertaan yang disahkan. |

| Komponen | Program/Aktiviti | Mata CPD | Keterangan berkaitan Komponen | Syarat dan Dokumen Sokongan |
|------------------------|--|----------|---|---|
| Komponen Amalan | <p>Komponen ini merujuk kepada program pembentangan berikut:</p> <p>Persidangan/ Seminar/ Konvensyen/ Kolokium/ Simposium (Kebangsaan/ Antarabangsa)</p> <p>a) Pembentang Ucaptama 5 mata b) Penceramah jemputan 4 mata c) Penceramah plenari 2 mata d) Ahli Panel Forum 2 mata e) Pembentang Sidang Selari 2 mata</p> <p>Bengkel/Kursus (Kebangsaan/ Antarabangsa)</p> <p>a) Penceramah 2 mata / slot b) Fasilitator 2 mata/ slot</p> | | <p>Komponen ini berkaitan dengan program/aktiviti pembentangan berkaitan dengan aplikasi ilmu dan kemahiran kaunseling.</p> | Sijil penyertaan atau bukti penyertaan yang disahkan. |

5

| Komponen | Program/Aktiviti | Mata CPD | Keterangan berkaitan Komponen | Syarat dan Dokumen Sokongan |
|------------------------------------|---|-----------------|---|------------------------------------|
| 6 Komponen Amalan | <p>Komponen ini merujuk kepada penulisan bercetak/elektronik seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Buku 10 mata b) Jurnal diindeks 8 mata c) Jurnal tidak diindeks 3 mata d) Setiap bab dalam buku 3 mata e) Laporan Teknikal dapatan hasil penyelidikan 3 mata | | <p>Komponen ini berkaitan dengan aktiviti penulisan bercetak/elektronik yang berkaitan dengan aplikasi ilmu dan kemahiran kaunseling.</p> | Bukti penglibatan yang disahkan. |

| Komponen | Program/Aktiviti | Mata CPD | Keterangan berkaitan Komponen | Syarat dan Dokumen Sokongan |
|--|---|--|--|----------------------------------|
| Komponen Amalan 7 | <p>Komponen ini merujuk kepada program berikut:</p> <p>Penglibatan sebagai ahli jawatankuasa atau ahli projek:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Projek penyelidikan 2. Projek Inisiatif Kualiti dan Inovasi 3. Pembangunan Modul 4. Pembangunan instrument / aplikasi perisian 5. Alat ukur | 4 mata untuk ketua projek 2 mata untuk ahli | Komponen ini berkaitan dengan aktiviti penyertaan dan penglibatan dalam projek yang berkaitan dengan aplikasi ilmu dan kemahiran kaunseling. | Bukti penglibatan yang disahkan. |

| Komponen | Program/Aktiviti | Mata CPD | Keterangan berkaitan Komponen | Syarat dan Dokumen Sokongan |
|--|---|----------|--|---|
| Komponen Amalan 8 | <p>Komponen ini merujuk kepada program berikut:</p> <p>Penglibatan dalam penerbitan Jurnal/Buku sebagai:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Editor 4 mata b) Ahli Lembaga Editorial Jurnal 2 mata c) Penilai artikel Jurnal 2 mata setiap artikel d) Penilai Buku 2 mata setiap buku | | <p>Komponen ini berkaitan dengan aktiviti penglibatan dalam penerbitan jurnal/nuku yang berkaitan dengan aplikasi ilmu dan kemahiran kaunseling.</p> | <p>Bukti penglibatan yang disahkan.</p> |

| Komponen | Program/Aktiviti | Mata CPD | Keterangan berkaitan Komponen | Syarat dan Dokumen Sokongan |
|--|---|----------|--|---|
| Komponen Amalan 9 | <p>Komponen ini merujuk kepada program berikut:</p> <p>Penglibatan sebagai penilai dalam atau penilai luar tesis/disertasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Ijazah Doktor Falsafah 3 mata/pelajar b) Ijazah Master/Sarjana 2 mata/pelajar c) Ijazah Bacelor/Sarjana Muda 1mata/pelajar | | <p>Komponen ini berkaitan dengan aktiviti penilaian tesis/disertasi dalam bidang kaunseling.</p> | <p>Bukti penglibatan yang disahkan.</p> |

| Komponen | Program/Aktiviti | Mata CPD | Keterangan berkaitan Komponen | Syarat dan Dokumen Sokongan |
|-------------------------------------|---|-----------------|--|------------------------------------|
| 10 Komponen Amalan | Komponen ini merujuk kepada program berikut: Menghadiri mesyuarat profesional di Institusi Pengajian Tinggi/Sekolah/Agensi/Persatuan | 1 mata | Program ini adalah merujuk kepada kehadiran mesyuarat profesional yang berkaitan dengan perkhidmatan/aktiviti kaunselor. | Bukti kehadiran yang disahkan. |

| | | | | |
|-------------------------------------|---|--------|--|-----------------------------------|
| 11 Komponen Amalan | Komponen ini merujuk kepada program berikut: Menghadiri Mesyuarat Agung Pertubuhan/ Persatuan/ NGOs yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS) | 1 mata | Program ini adalah merujuk kepada kehadiran mesyuarat Agung Pertubuhan/ Persatuan/ NGOs yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS) | 1. Bukti kehadiran yang disahkan. |
|-------------------------------------|---|--------|--|-----------------------------------|

4.0 KRITERIA PENGUMPULAN MATA PROGRAM PERKEMBANGAN PROFESIONAL BERTERUSAN

4.1 Kaunselor berdaftar hendaklah mengumpul mata Program Perkembangan Profesional Berterusan dalam tempoh dua (2) tahun sepanjang tempoh sahlaku sijil perakuan amalan dwitahunan. Sejumlah 20 mata hendaklah dikumpul di mana 10 mata dari mana-mana komponen dalam Kategori Ilmu Dan Kemahiran, manakala 10 mata lagi adalah dari mana-mana komponen daripada Kategori Amalan.

4.3 Jumlah mata Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar yang melebihi 20 mata bagi tempoh dua (2) tahun tidak boleh dibawa ke tahun berikutnya.

4.5 Program/Aktiviti Perkembangan Profesional Berterusan Komponen Ilmu dan Kemahiran 1 dan Komponen Ilmu dan Kemahiran 2 perlu mendapatkan perakuan dari Lembaga Kaunselor untuk tujuan pemberian mata terlebih dahulu sebelum sesuatu program itu dilaksanakan. Bagi tujuan pemberian mata untuk semua komponen program/aktiviti, dokumen berkaitan seperti dalam jadual 3.1 (a) dan 3.1 (b) yang telah disahkan adalah diperlukan. Bagi Program/Aktiviti Komponen Ilmu dan Kemahiran 1 dan Komponen Ilmu dan Kemahiran 2 peringkat kebangsaan/antarabangsa yang tidak mempunyai perakuan Lembaga Kaunselor, kaunselor berdaftar hendaklah mengemukakan permohonan secara peribadi dengan mengemukakan dokumen yang diperlukan bagi tujuan penilaian khas oleh Lembaga Kaunselor untuk tujuan pemberian mata.

5.0 TARIKH KUATKUASA

5.1 Tarikh kuatkuasa pengumpulan mata Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar adalah 3 Oktober 2017.

5.2 Pelaksanaan sistem mata bagi Program Perkembangan Profesional Berterusan dalam prosedur pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Dwitahunan kaunselor berdaftar yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor ini mula berkuatkuasa mulai 3 Oktober 2019.

6.0 PENUTUP

Kaunselor berdaftar dikehendaki memahami garis panduan pelaksanaan Program Sistem Mata Perkembangan Profesional Berterusan yang ditetapkan agar dapat menyempurnakan pengumpulan sistem mata yang ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor di samping memberikan perkhidmatan yang terbaik secara profesional dan beretika. Jika wujud sebarang keraguan atau kemosykilan, kaunselor berdaftar hendaklah menghubungi Lembaga Kaunselor melalui telefon atau emel yang tertera di laman web Lembaga Kaunselor.